



Penyataan Polisi Anti-Rasuah

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD

MSM Malaysia Holdings Berhad komited dalam melaksanakan piawaian etika dan integriti yang tinggi dalam aktiviti perniagaannya dengan menempatkan polisi dan prosedur yang mencukupi untuk mencegah rasuah dan suapan.

MSM Malaysia Holdings Berhad komited untuk:

- Menggalakkan tingkah laku yang telus dan beretika di dalam Kumpulan dengan menyediakan saluran untuk para pekerja bagi melaporkan kelakuan tidak wajar melalui saluran pemberian maklumat, berpandukan Polisi Pemberian Maklumat MSM.
- Mengawal kalangan pekerja Kumpulan MSM dan mengelakkan peningkatan kemewahan yang haram dengan memantau hasil kekayaan individu di dalam Kumpulan melalui Polisi Faedah Pengisytiharan Aset / Peribadi (APID).
- Menghapuskan permintaan yang tidak wajar dan suapan yang mungkin timbul akibat dari amalan memberi dan menerima hadiah, hiburan dan hospitaliti berpandukan Polisi Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Luaran (Polisi GEH).
- Menguruskan inisiatif Tanggungjawab Korporat secara beretika untuk menghapuskan amalan rasuah dan suapan berpandukan Polisi Penajaan dan Derma.
- Memelihara imej integriti yang baik, ketelusan dan akauntabiliti dalam semua aspek perniagaannya melalui tingkah-laku yang cekap, produktif dan berdisiplin seperti yang disarankan dalam Kod Etika Perilaku Perniagaan untuk Pekerja (COBCE).
- Bertanggungjawab dalam mengendalikan kepentingan Kumpulan MSM, dan bukannya untuk kepentingan peribadi dalam melaksanakan tugas-tugas kita kepada MSM berpandukan Polisi Konflik Kepentingan.
- Melaporkan semua jenis rasuah dan suapan melalui saluran pemberian maklumat MSM dan/atau kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) demi mematuhi Polisi Rujukan MSM.

Hasni Ahmad
AGCEO MSM Malaysia Holdings Berhad
Tarikh: 29/9/2025